

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Kerajaan melalui SPAD membuat keputusan bahawa kereta Proton Exora 1.6 akan menjadi flagship teksi di negara ini sedangkan Proton bukan lagi dimiliki oleh Kerajaan sebaliknya dikuasai sepenuhnya oleh DRB Hicom Bhd yang dimiliki oleh Tan Sri Syed Mokhtar Al Bukhary.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, teksi bajet menggunakan kenderaan jenis Proton seperti model Iswara, Wira, Persona, Saga BLM dan juga Proton Exora. Keutamaan penggunaan jenama kebangsaan ini adalah selaras dengan polisi untuk memartabatkan kereta nasional.
2. Namun yang demikian, perbezaan model kereta sedia ada ini telah memberi kesan kepada perbezaan kos operasi sedangkan kesemua model ini menggunakan kadar tambang yang sama. Selain itu, sebilangan besar dari model kenderaan Proton ini tidak sesuai beroperasi di tempat-tempat tertentu seperti di lapangan terbang kerana ruang bagasi yang kecil.
3. Oleh yang demikian, pemilihan model Proton Exora dalam Pelan Migrasi Industri Teksi ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktor utama, seperti spesifikasi kenderaan yang mempunyai ruang kaki dan ruang bagasi yang lebih besar serta harga jualan yang lebih murah berbanding spesifikasi yang setaraf dengannya.
4. Sementara itu, penglibatan kenderaan jenama lain juga boleh dipertimbangkan selagi ia memenuhi spesifikasi dan harga jualan yang setanding.

Sekian, terima kasih.